

JABATAN LANDSKAP NEGARA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN
KERAJAAN TEMPATAN

DIREKTORI

TAMAN-TAMAN AWAM DI MALAYSIA



DIREKTORI TAMAN TAMAN AWAM DI MALAYSIA
2010-2022

JABATAN LANDSKAP NEGARA
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

2022

EDITORIAL

Penasihat	Tuan Roslee bin Abdullah Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara
Ketua Editor	Mansor bin Mohamad
Editor	Mariam binti Zainal Intan Syafinaz binti Lazim
Pembantu Editor	Zaheera binti Osman Harshah bin Haris Nur Aisyah Nadhirah binti Abd. Aziz Norsidah binti Mohamad Hasri bin Saide Norlia binti Razali Nor Aslinda binti Alias @ Wahab
Rekabentuk dan Grafik	Mohd Jafni bin Mohd Amer Meor Yusro bin Meor Saadon Sofian

© Hakcipta Jabatan Landskap Negara

Hakcipta Terpelihara
Mana-mana bahagian dalam laporan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan dalam cara yang boleh dipergunakan lagi, ataupun dipindahkan dalam sebarang bentuk cara, sama ada dengan cara elektronik, gambar rakaman dan sebagainya tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Penerbit.

Diterbitkan di Malaysia oleh

Jabatan Landskap Negara
Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan

Cetakan Pertama 2022









Kata Aluan

KETUA PENGARAH
JABATAN LANDSKAP NEGARA

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya buku Direktori Taman-Taman Awam di Malaysia dapat disediakan dan diterbitkan oleh Jabatan Landskap Negara, Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan.

Taman awam merupakan ruang bagi aktiviti rekreasi pasif dan aktif bagi semua golongan masyarakat. Selain dari membudayakan gaya hidup sihat, kewujudan taman awam atau kawasan lapang merupakan satu usaha ke arah pembangunan yang mampan seiring dengan pembangunan fizikal yang pesat di Malaysia kerana taman membantu mengekang kesan negatif dari tekanan pembangunan dengan memelihara ekosistem setempat, membantu mengurangkan kesan perubahan iklim dan meningkatkan kualiti udara dan air.

Direktori ini mempunyai maklumat berkenaan taman-tamam awam di Malaysia mengikut negeri untuk dijadikan rujukan oleh pelbagai pihak bagi penyediaan taman awam pada masa hadapan selaras dengan hasrat Jabatan Landskap Negara untuk pembangunan landskap yang indah dan berkualiti.

Justeru, saya merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan Direktori Taman-Taman Awam di Malaysia ini.

Sekian, terima kasih

(ROSLEE BIN ABDULLAH)

Isi Kandungan

PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG

PENGENALAN
Apa itu Taman Awam?
Sejarah Taman Awam di Malaysia
Fungsi Taman Awam
Hierarki Taman Awam
Pengguna Taman Awam
Dasar-dasar Berkaitan Taman Awam

SENARIO TAMAN AWAM DI MALAYSIA
Peranan Jabatan Landskap Negara Dalam Membangunkan Taman Awam
Peranan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Dalam Pembangunan Taman Awam
Kriteria Pemilihan Taman Awam
Senario Rekabentuk Taman Awam di Malaysia
Arahtuju dan Matlamat Taman Awam di Malaysia
Isu Dan Masalah Pembangunan Taman di Malaysia
Pengurusan Taman Awam di Malaysia

DIREKTORI TAMAN AWAM DI MALAYSIA
Pengenalan Malaysia

DIREKTORI TAMAN AWAM MENGIKUT NEGERI
DATA TAMAN TAMAN DI ZON TENGAH
- Selangor
- Perak
- Negeri Sembilan
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Wilayah Persekutuan Putrajaya

DATA TAMAN TAMAN ZON SELATAN
- Johor
- Melaka

DATA TAMAN TAMAN ZON UTARA
- Pulau Pinang
- Kedah
- Perlis

DATA TAMAN TAMAN ZON TIMUR
- Kelantan
- Terengganu
- Pahang

DATA TAMAN TAMAN TIMUR MALAYSIA
- Sabah
- Sarawak
- Wilayah Persekutuan Labuan

OUTCOME PEMBANGUNAN TAMAN AWAM
KESIMPULAN





1



Pendahuluan

Direktori Taman-Taman Awam Di Malaysia disediakan bagi memudahkan penyampaian maklumat tentang bilangan dan keluasan taman yang telah dibina di seluruh Malaysia. Direktori ini menyenaraikan taman-taman yang dibina oleh pihak kerajaan dan swasta.

Pengumpulan data ini telah dijalankan oleh Jabatan Landskap Negara bermula tahun 2010 dan masih dijalankan sehingga kini. Beberapa kategori taman telah disenaraikan bagi memudahkan pengumpulan data merujuk kepada Hierarki Tanah Lapang dan Rekreasi, Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi, 2013 yang disediakan oleh PLANMalaysia. Ianya melibatkan kategori lot permainan, padang permainan, padang kejiranan, taman tempatan, taman bandaran dan taman wilayah. Sehingga tahun 2022, sejumlah 11,760 buah taman telah dibina di seluruh Malaysia.

Adda Heights, Johor

Latar Belakang

Direktori Taman-Taman Awam di Malaysia disediakan dengan tujuan untuk merekodkan data pembangunan taman awam di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Data diperolehi hasil kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia yang merangkumi taman yang telah diwartakan dan yang belum diwartakan termasuk taman yang masih dalam proses permohonan pewartaan tanah untuk tujuan rekreasi.

Direktori ini akan digunakan sebagai rujukan oleh pelbagai pihak dalam menjalankan analisis kajian berkaitan pembangunan landskap dan taman-taman awam di Malaysia dan menjadi panduan dalam penyediaan taman awam di sesebuah kawasan bagi mencapai sasaran Majlis Perancangan Fizikal Negara iaitu menyediakan sebanyak 2 hektar kawasan lapang untuk 1000 penduduk bersamaan dengan 4.94 ekar kawasan lapang untuk 1000 penduduk. (Sumber: Mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara Ke 5/2005 pada 06 Okt. 2005, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)



Pembangunan taman awam adalah selaras dengan Dasar Landskap Negara dan *Sustainable Design Guidlines* (SDGs) iaitu:

Dasar Landskap Negara

Teras 3 : Membangunkan Program Pembangunan Landskap bagi Penyediaan Infrastuktur Hijau yang Berfungsi dan Mampan.


Strategi 3.1 : Merancang, Melaksana dan Menguruskan Infrastuktur Hijau secara Sistematik dan Efisyen di Kawasan Perbandaran dalam Usaha Menangani Isu Pemanasan Global dan Perubahan Iklim.

***Sustainable Design Guidlines* (SDGs)**

Matlamat 11: Menjadikan Bandar Raya dan Penempatan Manusia Sebagai Menyeluruh, Selamat, Berdaya Tahan dan Mampan.

Matlamat 13 : Mengambil Tindakan Segera Untuk Menangani Perubahan Iklim dan Kesannya.

Matlamat 15 : Melindungi, Memulihkan dan Menggalakkan Penggunaan Mampan Ekosistem Daratan, Menguruskan Hutan, Mencegah Penggurunan, Menghentikan dan Memulihkan Kemerosotan Tanah dan Menghentikan Kerugian Biodiversiti Secara Mampan



Pengenalan

Apa itu Taman Awam?

Taman awam berdasarkan definisi di dalam Dasar Landskap Negara adalah **"kawasan yang dirizabkan/diwartakan untuk aktiviti rekreasi dan riadah awam yang berteraskan kepada reka bentuk yang mengambilkira aspek pemuliharaan persekitaran, sosio-budaya dan pendidikan."**

Taman awam merupakan tempat di mana orang ramai berekreasi dan beriadah secara individu atau berkumpulan di dalam ruang yang dihiasi dengan keindahan alam semulajadi seperti pokok teduhan, padang rumput dan pokok bunga-bungaan di samping kemudahan-kemudahan rekreasi di kawasan bandar untuk memenuhi keperluan fizikal dan psikologikal pengguna. Secara tidak langsung, taman awam menjadi ruang untuk bersosial sama ada dalam kumpulan kecil atau skala lebih besar sekaligus meningkatkan integrasi sosial dalam kalangan komuniti. Rekabentuk taman yang baik haruslah mempunyai ciri-ciri dan keistimewaan yang tersendiri untuk dijadikan sebagai daya tarikan utama ke taman tersebut.

Pada waktu yang sama, selain dari impak positif kepada kualiti hidup manusia, taman awam turut membawa kepentingan kepada pemeliharaan dan pemuliharaan alam semula jadi. Taman awam boleh dibangunkan sebagai *green lung* atau *carbon sink* yang menjadi tapak pemeliharaan dan pemuliharaan bagi meningkatkan biodiversiti dan integriti ekosistem flora dan fauna. Selain itu, taman awam turut membawa fungsi sebagai *green sponge* yang membantu proses resapan air ke dalam tanah dan secara tidak langsung mengurangkan kejadian banjir kilat di kawasan bandar.

Taman yang efektif adalah taman yang menyokong semua fungsi-fungsi ini serta mempunyai nilai estetik dan memberi tumpuan kepada mutu persekitaran kehidupan yang indah, bersih dan selamat.







Sejarah Taman Awam di Malaysia

Di Malaysia, sejarah taman awam bermula dengan pembinaan tiga taman awam yang dibangunkan oleh pihak British sebelum Malaysia mencapai kemerdekaan iaitu Taman Tasik Perdana di Kuala Lumpur, Taman Botani di Pulau Pinang dan Taman Tasik Taiping di Perak (Jamil, 2002). Pada akhir abad ke-18 iaitu dalam tahun 1890-an, Taman Tasik Perdana atau *Sydney Lake* telah dibina oleh *Frank Sweethernham*. Taman ini dibina sebagai utiliti tapak semaian dan kawasan taman landskap untuk kawasan rekreasi bagi pegawai-pegawai British pada masa itu. Taman ini telah direkabentuk oleh *A.R. Verning* dengan perancangan kawasan seluas 22 hektar termasuklah kawasan *Kenny Hill*, kawasan Parlimen, Muzium Negara, Memorial Tun Razak dan kuarters kerajaan. Di peringkat awal pembinaannya, taman ini dirancang lebih kepada aktiviti penanaman pokok dan bercorak pasif (Jamil 2002).

Taman yang kedua iaitu Taman Tasik Taiping telah dibina dalam tahun 1897 untuk memenuhi keperluan keluarga orang-orang British di Taiping. Taman ini dibina setelah pembinaan keretapi yang pertama di Malaysia disiapkan bagi mengeliling kawasan bekas lombong seluas 50 hektar dan pembinaannya mirip kepada *Kesington* atau *Belsize Park* (*Fernandez*, 1980) di Amerika. Ianya telah dibuka kepada orang awam pada tahun 1910 dan telah menjadi taman awam yang pertama di Malaysia.

Seterusnya setelah mencapai kemerdekaan, kerajaan Malaysia telah menjadikan pembangunan taman awam sebagai salah satu agenda di dalam program pemajuan negara. Ini termasuklah pembinaan Taman Tasik Titiwangsa yang telah dibuka kepada orang ramai pada tahun 1980 seluas 70 hektar dibawah pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ianya telah menjadi taman awam yang kedua di Kuala Lumpur. Ekoran daripada kejayaan tersebut, Taman Tasik Permaisuri dibina sebagai taman awam ketiga, berkonsepkan diraja dan telah mendapat sambutan yang begitu menggalakkan. Daripada kejayaan ini, kerajaan Malaysia juga telah menjadikan pembinaan taman awam sebagai program pembangunan negara sehingga menubuhkan sebuah jabatan iaitu Jabatan Landskap Negara yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pembangunan taman-taman awam di seluruh Malaysia.

Fungsi Taman Awam

Pembangunan taman awam adalah merupakan usaha pihak kerajaan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan dan kesejahteraan komuniti Malaysia melalui penyediaan ruang rekreasi yang berkualiti dan pada masa yang sama untuk meningkatkan liputan hijau terutamanya di kawasan bandar. Hal ini penting bagi menangani isu peningkatan suhu bandar rentetan dari pembangunan fizikal yang pesat.

Perancangan reka bentuk taman awam perlu mengambil kira penyediaan ruang untuk aktiviti dan integrasi yang merangkumi infrastuktur asas, utiliti dan kemudahan rekreasi bagi memenuhi keperluan pengguna melakukan aktiviti riadah pasif dan aktif. Antara komponen asas kemudahan dalam taman adalah tempat letak kenderaan, wakaf dan gazebo, siar kaki, sistem pencahayaan, taman permainan, tandas dan sebagainya. Komponen-komponen taman ini perlu memenuhi kriteria seperti:-

- Bahan binaan yang digunakan adalah sesuai, selamat dan mesra pengguna.
- Reka bentuk yang menarik dan mengikut perkembangan teknologi semasa.
- Reka bentuk yang sesuai dan harmoni dengan persekitaran dan konsep pembangunan.
- Praktikal dan mudah digunakan.
- Bahan binaan yang tahan lama, tahan keadaan cuaca tempatan dan kos penyelenggaraan yang minima.


Dalam konteks kepenggunaan, taman awam juga perlu disediakan bagi memenuhi keperluan semua golongan pengguna dengan memastikan rekabentuk yang mesra orang kelainan upaya (OKU) seperti penyediaan ram untuk pengguna kerusi roda dengan kecerunan yang besesuaian dan penggunaan *guiding block / tactile block* di laluan siar kaki. Selain itu, faktor keselamatan juga merupakan elemen penting dalam perancangan rekabentuk taman dengan menerapkan pendekatan reka bentuk *Crime Prevention Through Environmental Design* (CPTED). Contoh aplikasi CPTED adalah seperti berikut:

- Peletakan perabot jalan tidak mengganggu keselesaan pengguna dan tidak ditempatkan di kawasan terlindung untuk mencegah berlakunya jenayah.
- Papan tanda menggunakan warna yang terang, grafik yang mudah difahami dan menepati piawaian.
- Lokasi papan tanda yang strategik seperti di laluan utama, pintu keluar masuk atau nod aktiviti.
- Perabot jalan pelbagai fungsi. Contohnya, tiang lampu boleh digunakan untuk pemasangan papan tanda, CCTV dan sebagainya.
- Pencahayaan perlu disediakan di ruang terperangkap (*entrapment*) bagi meningkatkan penglihatan dan keselamatan orang awam.



Kategori dan Hierarki Taman Awam

Taman-taman awam di Malaysia terdiri daripada beberapa kategori mengikut hierarki seperti yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi (2013). Walau bagaimanapun, data dalam direktori Taman-Taman Awam di Malaysia ini tidak termasuk kawasan lapang berhierarki Taman Negara.



Jadual 1 Hierarki dan Fungsi Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi

HIERARKI	KELUASAN	SAIZ TADAHAN PENDUDUK	FUNGSI
Taman Wilayah	100 Hektar 250 Ekar	Seluruh Wilayah	Kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan penduduk sesebuah daerah dan sekitarnya untuk aktiviti rekreasi, sukan dan menikmati keindahan semulajadi.
Taman Bandaran	40 Hektar 100 Ekar	50,000 orang ke atas	Kawasan rekreasi yang menjadi tumpuan penduduk bandar untuk aktiviti rekreasi, sukan dan menikmati keindahan semulajadi.
Taman Tempatan	8.0 Hektar 20 Ekar	12,000 hingga 50,000 orang	Kawasan rekreasi yang menampung beberapa unit kejiranan untuk aktiviti rekreasi, sukan dan kegiatan sosial penduduk setempat.
Taman Kejiranan	2.0 Hektar 5 Ekar	3,000 hingga 12,000 orang	Kawasan rekreasi di sesebuah kawasan kejiranan untuk aktiviti rekreasi, sukan dan kegiatan sosial penduduk setempat.
Padang Permainan	0.6 Hektar 1.5 Ekar	1,000 hingga 3,000 orang	Kawasan rekreasi yang menampung keperluan 3 sub kejiranan untuk aktiviti rekreasi, sukan bagi kegunaan kanak-kanak, remaja dan orang dewasa.
Lot Permainan	0.2 Hektar 0.5 Ekar	300 hingga 1,000 orang	Kawasan rekreasi aktif di sesebuah kawasan sub-kejiranan untuk kanak-kanak peringkat umur persekolahan rendah.

Sumber: PLANMalaysia, Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Kawasan Rekreasi (2013)









Golongan Pengguna Taman Awam

Penyediaan taman awam adalah untuk memenuhi keperluan rekreasi orang awam yang terdiri daripada:

- Kanak-kanak
- Remaja
- Dewasa
- Warga Emas
- Orang Kelainan Upaya (OKU)

Aktiviti rekreasi merupakan salah satu aktiviti yang mampu membina fizikal serta membentuk minda dan keperibadian fizikal yang baik terutama bagi golongan kanak-kanak dan remaja.

Antara komponen reka bentuk untuk kegunaan golongan kanak-kanak adalah seperti set peralatan permainan, kawasan lapang untuk aktiviti aktif, kawasan berturap untuk gelanggang sukan serta permainan dan koleksi tumbuhan landskap untuk tujuan pembelajaran dan perkembangan minda.

Bagi golongan remaja dan dewasa, aktiviti berkunjung ke taman adalah untuk beriadah secara pasif seperti berkelah atau bersiar-siar sambil mengapresiasi keindahan flora dan fauna mahupun secara aktif seperti bersenam, berbasikal dan sebagainya.

Manakala bagi golongan warga emas atau golongan pesara, aktiviti rekreasi dilakukan sebagai memenuhi masa lapang mereka disamping beristirehat sambil berhibur sekaligus menjadi terapi mental dan fizikal mereka.

Keperluan rekreasi bagi golongan OKU juga perlu diambilkira dengan menyediakan peralatan dan kemudahan di taman awam bagi memastikan mereka dapat menggunakan kemudahan di taman awam secara optimum.



Dasar dan Akta Berkaitan

1.Dasar Landskap Negara

Teras 3 : Membangunkan program pembangunan landskap bagi penyediaan infrastuktur hijau yang berfungsi dan mampan.

Strategi 3.1 : Merancang, melaksana dan mengurus infrastuktur hijau secara sistematik dan efisyen di kawasan perbandaran dalam usaha menangani isu pemanasan global dan perubahan Iklim.

2.Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)

"Tanah atau suatu reruang khas yang telah dirizabkan atau diperuntukkan yang berfungsi sebagaimana ditafsirkan sebagai tanah lapang menurut Subseksyen 2(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976, [Akta 172] meliputi sebarang bentuk aktiviti rekreasi sama ada aktif atau pasif bagi mewujudkan persekitaran yang berkualiti, rendah karbon, mampan dan memberikan keselesaan serta selamat untuk dinikmati".

3.Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN)

Sasaran menyediakan sebanyak 2 hektar kawasan lapang untuk 1000 penduduk bersamaan dengan 4.94 ekar kawasan lapang untuk 1000 penduduk.

4.Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs)

Matlamat 11 dalam SDGs iaitu menjadikan bandar raya dan penempatan manusia sebagai menyeluruh, selamat, berdaya tahan dan mampan, yang menggalakkan untuk menyediakan taman sebagai ruang rekreasi bagi penggunaan awam.

Matlamat 13 dalam SDGs iaitu mengambil tindakan segera untuk menangani perubahan iklim dan kesannya, yang mengintegrasikan langkah-langkah perubahan iklim ke dalam dasar dan perancangan pembinaan taman awam.

Matlamat 15 dalam SDGs iaitu melindungi, memulihkan dan menggalakkan penggunaan mampan ekosistem daratan, menguruskan hutan, mencegah penggurunan, menghentikan dan memulihkan kemerosotan tanah dan menghentikan kerugian biodiversiti secara mampan.

5.Agenda Perbandaran Baharu (NUA)

Rancangan pelaksanaan Agenda Perbandaran Baharu termasuk menggalakkan ruang awam yang selamat, inklusif, boleh diakses, hijau dan berkualiti, termasuk jalan-jalan, kaki lima dan lorong berbasikal, dataran, taman-taman pelbagai fungsi untuk interaksi dan terangkuman sosial, kesihatan dan kesejahteraan manusia, pertukaran ekonomi, pengungkapan dialog dalam kalangan kepelbagaian rakyat dan budaya yang direka dan diuruskan bagi memajukan pembangunan manusia, membina masyarakat aman, inklusif, menggalakkan hidup bersama, kesambungan dan terangkuman sosial.

6.Malaysian Standards MS 966:2017 Playground Equipment dan MS 2665:2017 Playground Surfacing


Piawaian yang komprehensif dan perlu dipatuhi oleh pembuat/pengeluar peralatan taman permainan kanak-kanak, jurupasang dan lain-lain pemegang taruh.

7.Malaysian Standards MS 1184:2014, AMD. 1/2017 Universal Design And Accessibility In The Built Environment – Code of Practice

Piawaian komprehensif penyediaan rekabentuk sejagat (*universal design)* di dalam binaan bangunan dan kawasan taman bagi memenuhi keperluan pengguna yang mempunyai pelbagai keupayaan seperti golongan OKU, warga emas dan kanak-kanak.

8.Malaysian Standard MS2700:2018 Landscape Planting Materials – Shrubs - Specification, MS 2603:2015 Landscape Planting Materials – Trees - Specification

Piawaian komprehensif bagi spesifikasi tanaman serta teknik penanaman pokok teduhan dan pokok renek sebagai panduan kepada semua agensi pelaksana dalam usaha menghasilkan pembangunan landskap di kawasan tepu bina yang seimbang, seragam, dan berkualiti.





Dasar dan Akta Berkaitan

9.Manual-manual Pengurusan dan Penyelenggaraan Landskap JLN

- Manual Pengurusan Turf di Pandang Awam
- Manual Penyelenggaraan Aset Landskap Taman Awam (MaPAL)
- Serangga Perosak Pokok Ameniti
- Penyakit Utama Pokok Ameniti
- Kesan Abiotik Terhadap Pokok Ameniti
- Pengurusan Perosak dan Penyakit Utama Pokok Ameniti Melalui Kawalan Kimia Manual
- Pemangkasan Pokok Ameniti
- Spesifikasi Turf
- Manual Pengurusan Risiko Pokok Ameniti





Senario Pembangunan Taman Awam di Malaysia

Peranan Jabatan Landskap Negara dalam Membangunkan Taman Awam

Fungsi Jabatan Landskap Negara adalah untuk:

1) Merancang, menyelaras, melaksana dan mengawal selia pembangunan landskap, keperluan kawasan lapang, kawasan hijau dan kemudahan rekreasi negara.

2) Sebagai penasihat di dalam penguatkuasaan perundangan, perlaksanaan dasar dan garis panduan kepada pelbagai peringkat dalam perancangan, perlaksanaan dan pengurusan pembangunan landskap.

3) Program dan aktiviti yang dilaksanakan oleh Jabatan Landskap Negara untuk menggalakkan pembangunan taman awam.

4) Pembangunan taman awam baru di seluruh Malaysia bagi memenuhi keperluan kawasan lapang dan rekreasi berdasarkan bilangan penduduk dan untuk mencapai sasaran Majlis Perancangan Fizikal Negara iaitu penyediaan 2 hektar kawasan lapang bagi setiap 1000 penduduk.

5) Pembangunan taman wilayah (taman persekutuan) dengan tapak berjumlah 100 hektar (250 ekar) dan ke atas dengan lokasi yang strategik serta berada dalam jarak yang bersesuaian, bagi membolehkan penduduk dalam kawasan lingkungannya dapat menjadikan kunjungan ke taman persekutuan sebahagian daripada gaya hidup harian mereka.

6) Mensasarkan penyediaan secara puratanya 2 taman bandar (taman awam) dengan keluasan minima 40.0 hektar (100 ekar) setiap satu dan 8 taman tempatan dengan keluasan minima 8.0 hektar (20 ekar) setiap satu bagi setiap Pihak Berkuasa Tempatan di negara ini.

7) Menaik taraf taman-taman awam sedia ada dengan kerjasama dari Pihak Berkuasa Negeri atau Pihak Berkuasa Tempatan. Projek naik taraf taman awam akan memberi keutamaan kepada taman-taman kejiranan yang sedia ada dan taman awam bersaiz kecil.



Peranan Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan dalam Membangunkan Taman Awam

1. Pihak Berkuasa Tempatan menyediakan tapak dengan keluasan tanah yang bersesuaian untuk pembangunan taman awam.

2. Mewartakan taman awam.

3. Mengawal selia pengurusan dan penyelenggaraan taman-taman awam bagi memastikan ianya kekal berfungsi, selamat dan menyumbang kepada pembentukan bandar berdaya huni.

4. Merancang, melaksanakan dan menguruskan program serta aktiviti di taman awam bagi menggalakkan pengguna untuk menggunakan taman secara berterusan.

5. Meningkatkan jaringan kerjasama dengan jabatan, agensi, pertubuhan bukan kerajaan, pihak swasta dan masyarakat setempat untuk memastikan pengekalan, pemuliharaan dan pengurusan taman awam yang bersepadu.









Kriteria Pemilihan Tapak Taman Awam

1. Tanah yang telah diwartakan sebagai taman awam.

2. Tanah yang dizonkan sebagai kawasan lapang dan rekreasi di pelan zon bagi kawasan setempat.

3. Tapak memenuhi kriteria Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang dan Rekreasi (2013) oleh Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (PLANMalaysia).

4. Keluasan tapak taman awam mengikut keluasan yang telah ditetapkan mengikut hierarki taman. Keluasan ini tidak termasuk badan air.

5. Lokasi yang strategik dalam konteks taburan penduduk. Perjalanan atau kemudahsampaian pengguna ke taman awam dari kawasan perumahan adalah sekurang-kurangnya dengan berjalan kaki, berbasikal dan dengan menggunakan kemudahan pengangkutan awam.

6. Kedudukan tapak berada dalam lingkungan kemudahsampaian yang munasabah mengikut hierarki taman.

7. Tapak tidak mempunyai risiko bencana dan masalah fizikal yang serius seperti banjir, berpaya dan sebagainya.

8. Mempunyai kemudahan akses iaitu jalan keluar dan masuk ke dalam taman awam yang memuaskan serta dihubungkan dengan sistem pengangkutan awam yang berkesan.

Senario Penggunaan Garis Panduan Taman Awam Di Malaysia

Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang 2021 (G005) keluaran PLANMalaysia telah disediakan bertujuan untuk menambahbaik Garis Panduan Perancangan Tanah Lapang dan Rekreasi yang disediakan pada tahun 2000 (JPBD : 7/2000) bagi memastikan kawasan lapang dibangunkan secara terancang, mencukupi, berfungsi dan mampan serta memenuhi prinsip-prinsip perancangan dan pembangunan bandar (Sumber: Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang 2021 (G005), PLANMalaysia).


Selaras dengan kehendak di dalam Garis Panduan tersebut, taman awam di negara ini mementingkan aspek rekabentuk yang dapat memberi keselesaan kepada pengguna. Penekanan kepada aktiviti yang ditawarkan dan memberi perhatian kepada keperluan setiap golongan masyarakat juga mampu menarik pengguna untuk menggunakan taman awam secara optimum.

Bagi memastikan penggunaan taman awam yang menyeluruh, pihak kerajaan dan juga swasta telah menyediakan kemudahan rekreasi kepada pengguna tanpa dikenakan sebarang bayaran, namun bagi tujuan komersial seperti penggambaran, sesetengah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang menguruskan taman tersebut akan mengenakan bayaran yang berpatutan.






Gambar Rajah 1 Carta alir perlaksanaan pembangunan projek landskap



Sumber: Jabatan Landskap Negara, Garis Panduan Landskap Negara Taman, 2012



Arah Tuju dan Matlamat Taman Awam di Malaysia

Enam arah tuju pembangunan Taman Awam telah digariskan oleh Jabatan Landskap Negara didalam memastikan pembangunan taman-taman awam di Malaysia mencapai matlamat pembangunan yang mampan dan berkualiti seperti berikut:



- Memastikan penyediaan komponen taman awam yang lengkap dan selamat
- Menyediakan jumlah taman yang mencukupi
- Menyediakan taman awam di lokasi yang sesuai mengikut saiz taburan penduduk
- Menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk pembinaan taman awam
- Memastikan pembangunan taman awam mempunyai perseimbangan diantara pembinaan landskap lembut dengan landskap kejur
- Memastikan tahap penyelenggaraan yang optima

Isu dan Masalah Pembangunan Taman Awam

Isu dan masalah pembangunan taman awam adalah seperti berikut:

Perancangan:

1. Kesukaran untuk mencapai ketetapan Mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN Bil. 5/2005) yang bersidang pada 6 Oktober 2005 iaitu sasaran 2 hektar kawasan lapang bagi 1,000 penduduk untuk mencapai tahap negara maju (Sumber: Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang 2021 (G005), PLANMalaysia).

2. Kegagalan pihak pemaju dalam mematuhi piawaian perancangan di mana 10% daripada keluasan keseluruhan tapak pemajuan harus digunakan sebagai kawasan hijau. Terdapat pemaju yang kurang prihatin mengambil kira menggunakan 10% ketetapan ini sebagai kawasan rumput atau kawasan meletak kenderaan.

3. Kekangan pemilihan tapak yang memenuhi kriteria keluasan yang bersesuaian dan berada di lokasi strategik akibat tekanan pembangunan bandar yang semakin pesat. Keadaan ini menyebabkan kemungkinan tanah yang telah diwartakan sebagai kawasan lapang dinyahwarta bagi kegunaan lain yang dianggap memberi pulangan yang lebih bernilai.

Pembangunan

Kontraktor tidak dapat menyiapkan kerja dalam tempoh pembinaan, secara tidak langsung akan melambatkan proses penyediaan kemudahan rekreasi kepada rakyat.


Pengurusan

1. Kekurangan tenaga pekerja berkemahiran untuk melaksanakan pengurusan dan penyelenggaraan taman awam secara menyeluruh.

2. Isu vandalisma terhadap kemudahan yang telah disediakan dan keperluan untuk sentiasa memberi kesedaran di kalangan pengguna taman untuk menjaga harta benda awam.

3. Peruntukan kewangan yang kurang diberi perhatian bagi tujuan penyelenggaraan taman awam.




PENGURUSAN DAN PENYELENGGARAAN TAMAN AWAM
PENGURUSAN TAMAN AWAM
Sumber manusia
Kewangan
Aktiviti
Keselamatan
PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
Penempatan tenaga kerja yang kompeten mengikut kesesuaian berdasarkan kebolehan dan jenis kerja serta memaksimumkan potensi setiap pekerja supaya matlamat pekerja dan organisasi tercapai
PENGURUSAN BAHAN
Memastikan pengurusan bahan yang betul bagi mengurangkan kos keseluruhan dan mematuhi spesifikasi dan piawaian yang diluluskan
PENGURUSAN KEWANGAN
Terdiri daripada kos langsung seperti pembiayaan buruh, bahan dan peralatan serta kos tidak langsung seperti gaji kakitangan dan kemudahan asas
PENGURUSAN JENTERA/ PERALATAN
Pengurusan yang baik bukan sahaja dapat menjimatkan dan mengawal kos, malah untuk memastikan penggunaan jentera dan peralatan yang betul dan bersesuaian
PENYELENGGARAAN TAMAN AWAM
PENYELENGGARAAN LANDSKAP KEJUR
Pembersihan, penggantian dan membaik pulih elemen landskap kejur
PENYELENGGARAAN LANDSKAP LEMBUT
Keperluan penyediaan jentera dan peralatan sesuai untuk penyiraman, pemangkasan, pembentukan, penggalakan, pengawalan dan pembersihan landskap lembut





Maklumat Taman Awam di Malaysia


Data yang diperolehi adalah hasil maklumat perangkaan dan kerjasama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Malaysia. Data ini merangkumi maklumat mengenai taman yang telah diwartakan, taman yang tidak diwartakan serta taman yang masih di dalam proses permohonan pewartaan tanah bagi tujuan rekreasi.

Jadual 2 Taman Awam di Seluruh Malaysia 2021

Hierarki	Jumlah Keluasan (Ekar)	Jumlah Taman	Status	
			Naik Taraf	Memuaskan
Lot Permainan	5,951.28	9,080	3,219	5,861
Padang Permainan	5,229.65	2,083	893	1,190
Padang Kejiranan	3,867.14	421	209	212
Taman Tempatan	5,794.76	151	79	72
Taman Bandaran	3,518.34	25	12	13
Taman Wilayah	8,594.16	13	5	8
Jumlah Keseluruhan	**32,955.33**	**11,773**	**4,417**	**7,356**

Sumber: Direktori Taman-Taman Awam di Malaysia 2022, JLN

Gambar Rajah 2 Perbandingan Keluasan Taman Awam Mengikut Hierarki



Sumber: Direktori Taman-Taman Awam di Malaysia 2022, JLN

Jadual 3 Taman Awam di Malaysia Mengikut Negeri

Hierarki	Jumlah Keluasan (Ekar)	Jumlah Taman	Status	
			Naik Taraf	Memuaskan
Perlis	118.94	5	3	2
Kedah	2,001.83	981	804	173
Pulau Pinang	2,785.82	283	20	263
Selangor	7,726.27	1455	914	541
Perak	4,526.37	3160	584	2576
Negeri Sembilan	484.19	284	178	106
WP Kuala Lumpur	3,045.07	660	195	465
Johor	4,221.58	3484	827	2657
Melaka	586.50	104	35	69
Kelantan	389.06	157	139	18
Terengganu	742.98	74	67	7
Pahang	1,616.26	326	261	65
Sabah	1,246.00	200	166	34
Sarawak	1,769.12	549	187	362
WP Putrajaya	1,632.24	11	0	11
WP Labuan	63.11	40	33	7
Jumlah Keseluruhan	**32,955.33**	**11,773**	**4,417**	**7,356**

Sumber: Direktori Taman-Taman Awam di Malaysia 2021, JLN



Jabatan Landskap Negara merupakan peneraju dalam merancang, menyelaras dan mengawal selia pembangunan taman awam di Malaysia bagi mencapai hasrat untuk mewujudkan negara taman. Berikut merupakan senarai Taman Awam yang telah dibangunkan oleh Jabatan Landskap Negara.

Jadual 4 Taman Awam yang Dibangunkan oleh Jabatan Landskap Negara

Negeri	Bandar	Bil.	Nama Taman	Keluasan (Ekar)
Perlis	Kangar	1	Taman Awam Bukit Lagi	28.40
Kedah	Jitra	1	Taman Awam Paya Pahlawan	60.00
	Langkawi	2	Taman Awam Teluk Yu	0.25
	Serdang	3	Taman Awam Tasik Serdang	30.00
	Alor Setar	4	Taman Awam Peremba	27.50
	Sg Petani	5	Taman Awam Bandar Puteri Jaya	29.40
Pulau Pinang	Bayan Lepas	1	Taman Awam Metropolitan Relau	115.56
	Seberang Jaya	2	Taman Awam Seberang Jaya	12.00
Selangor	Bangi	1	Taman Awam Bandar Baru Bangi (Taman Tasik Cempaka)	42.78
	Petaling Jaya	2	Taman Awam Petaling Jaya	19.85
	Klang	3	Taman Awam dan Rekreasi Bandar Diraja	16.00
Perak	Ipoh	1	Taman Awam Gunung Lang	69.19
	Kuala Kangsar	2	Taman Awam Kuala Kangsar	9.00
	Lumut	3	Taman Awam Teluk Batik	26.00
	Lumut	4	Taman Awam Lumut Riverfront	35.00
	Kamunting	5	Taman Tasik Bukit Jana, Kamunting	10.15
	Tapah	6	Taman Tasek Temoh	21.00
	Behrang	7	Taman Rimba Bandar, Bandar Proton	37.00
Negeri Sembilan	Seremban	1	Taman Awam Hutan Rekreasi Seremban	25.00
	Port Dickson	2	Taman Komuniti Awam Jalan Sena	12.00
	Nilai	3	Taman Awam Nilai	11.00
	Seremban	4	Taman Awam Jalan Keliling	14.80

Negeri	Bandar	Bil.	Nama Taman	Keluasan (Ekar)
Johor	Kluang	1	Taman Awam Kaki Gunung Lambak	40.00
	Johor Bahru	2	Taman Orkid Hutan Bandar	10.00
	Johor Bahru	3	Taman Awam Merdeka	30.00
	Pontian	4	Taman Awam Sungai Rambah	10.90
	Segamat	5	Taman Awam Tasik Segamat	32.40
	Kulai	6	Taman Awam Hutan Bandar Putra	18.00
	Kota Tinggi	7	Taman Hutan Bandar Kota Tinggi	8.00
	Skudai	8	Taman Hutan Bandar Mutiara Rini	64.00
	Pasir Gudang	9	Taman Awam Rekreasi Bakau Perigi Acheh	60.00
	Tenggara	10	Taman Tasik Bandar Tenggara, Lembaga Perbandaran Johor	28.30
	Tangkak	11	Taman Awam Tepian Sungai Muar, Tanjung Agas	7.23
Melaka	Masjid Tanah	1	Taman Rekreasi Bukit Beringin, Alor Gajah	12.00
	Ayer Keroh	2	Taman Awam Seribu Bunga	5.30
Kelantan	Kota Bahru	1	Taman Perbandaran Tengku Anis	18.00
Terengganu	Kuala Terengganu	1	Taman Awam Batu Burok	62.00
	Dungun	2	Taman Awam Teluk Gadung (Taman Tasik Tanjung Sura)	7.07
	Kuala Terengganu	3	Taman Tasik Lagun Kuala Ibai	56.00
Pahang	Temerloh	1	Taman awam Bandar Baru Temerloh	20.43
	Kuantan	2	Taman Awam Bandar Indera Mahkota	45.22
	Peramu	3	Taman Awam Pekan (Taman Tasik Sultan Abu Bakar)	85.00
	Bera	4	Taman Awam dan Rekreasi Bera	31.00
	Kuantan	5	Taman Awam Pasif	53.55
Sabah	Kota Kinabalu	1	Taman Awam Kota Kinabalu (Ujana Tropika Rimba)	15.00
	Sandakan	2	Taman Awam Sandakan	0.00
	Kota Kinabalu	3	Taman Awam Teluk Likas	17.40
	Tawau	4	Taman Awam Muhibbah	12.70
	Sandakan	5	Taman Awam Batu 2 1/2 Sandakan	28.30
	Kudat	6	Taman Rekreasi Awam Kudat, Sabah.	13.88
Sarawak	Miri	1	Taman Awam Bandar Miri	24.57
	Sibu	2	Taman Awam Sibu	130.00
	Bintulu	3	Taman Millenium Tanjung Kidurung	32.25
	Kuching	4	Taman Awam Bukit Astana	30.00
WP Labuan	Labuan	1	Taman Awam Pulau Labuan	0.00
	Labuan	2	Taman Awam Pantai Tanjung Purun	7.30

Sumber: Jabatan Landskap Negara, 2021 (data tidak diterbitkan)

Majlis Perancangan Fizikal Negara mensasarkan penyediaan sebanyak 2 hektar kawasan lapang untuk 1000 penduduk bersamaan dengan 4.94 ekar kawasan lapang untuk 1000 penduduk. (Sumber: Mesyuarat Majlis Perancangan Fizikal Negara Ke 5/2005 pada 06 Okt. 2005, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa)


Penduduk Malaysia adalah sebanyak 32,657,500 orang pada tahun 2022 (sumber: Population Quick Info Jabatan Perangkaan Malaysia), oleh itu berdasarkan Malaysia mensasarkan 161,328.05 ekar kawasan lapang bagi tahun 2022.

TAMAN AWAM DI MALAYSIA

Sasaran 161,328.05 ekar = Keperluan + Sedia ada

Taman Awam Sedia Ada

Keluasan sedia ada adalah **32,955.33 ekar** bersamaan dengan 20%



Keperluan Taman Awam

Keperluan adalah sebanyak **128,392.77 ekar** bersamaan dengan 80% untuk mencapai sasaran yang ditetapkan

Sumber: Direktori Taman-Taman Awam di Malaysia 2022, JLN







Direktori Taman-Taman Awam

Data taman-taman awam disampaikan mengikut zon seperti berikut:

DIREKTORI TAMAN TAMAN DI ZON TENGAH

- Selangor
- Perak
- Negeri Sembilan
- Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Wilayah Persekutuan Putrajaya

DIREKTORI TAMAN TAMAN DI ZON SELATAN

- Johor
- Melaka

DIREKTORI TAMAN TAMAN DI ZON UTARA

- Pulau Pinang
- Kedah
- Perlis

DIREKTORI TAMAN TAMAN DI ZON TIMUR

- Kelantan
- Terengganu
- Pahang

DIREKTORI TAMAN TAMAN DI TIMUR MALAYSIA

- Sabah
- Sarawak
- Wilayah Persekutuan Labuan



DATA TAMAN AWAM ZON TENGAH
SELANGOR DARUL EHSAN



Kawasan Lapang Sedia Ada

Jumlah keseluruhan taman awam sedia ada di Selangor adalah sebanyak 1,455. Kategori taman adalah seperti berikut:-



Hierarki	Jumlah Keluasan (Ekar)	Jumlah Taman	Status	
			Naik Taraf	Memuaskan
Lot Permainan	2.028.12	1,218	868	350
Padang Permainan	403.01	158	18	140
Padang Kejiranan	442.84	47	14	33
Taman Tempatan	977.28	27	10	17
Taman Bandaran	446.12	3	3	0
Taman Wilayah	3,374.90	2	1	1
Jumlah Keseluruhan	**7,726.27**	**1455**	**914**	**541**

6,538,100 Penduduk (sumber: Population Quick Info Jabatan Perangkaan Malaysia),
7,726.27 ekar taman awam sedia ada

Penyediaan taman awam semasa sebanyak
1.18 ekar untuk 1000 penduduk






Taman Awam Sedia Ada Di Selangor Mengikut PBT

Nama PBT		Kategori Taman						
		Lot Permainan	Padang Permainan	Padang Kejiranan	Taman Tempatan	Taman Bandaran	Taman Wilayah	**Jumlah**
Majlis Bandaraya Shah Alam	Keluasan	763.51	16.34	73.91	187.65	127.80	-	**1,169.21**
	Bilangan Taman	1	4	6	7	1	0	**19**
Majlis Bandaraya Petaling Jaya	Keluasan	-	-	87.88	159.26	-	-	**247.14**
	Bilangan Taman	0	0	7	4	0	0	**11**
Majlis Perbandaran Ampang Jaya	Keluasan	1.79	8.40	9.39	-	-	-	**19.58**
	Bilangan Taman	2	3	1	0	0	0	**6**
Majlis Perbandaran Kajang	Keluasan	-	14.38	32.78	104.08	-	-	**151.24**
	Bilangan Taman	0	5	2	3	0	0	**10**
Majlis Perbandaran Klang	Keluasan	620.72	10.90	48.10	200.99	133.00	-	**1,013.71**
	Bilangan Taman	3	3	4	5	1	0	**16**
Majlis Perbandaran Sepang	Keluasan	1.96	9.27	33.61	-	185.32	-	**230.16**
	Bilangan Taman	2	3	4	0	1	0	**10**
Majlis Perbandaran Subang Jaya	Keluasan	-	10.21	23.32	32.77	-	-	**66.30**
	Bilangan Taman	0	3	3	1	0	0	**7**
Majlis Daerah Hulu Selangor	Keluasan	83.55	199.97	114.79	117.12	-	-	**515.43**
	Bilangan Taman	134	76	17	3	0	0	**230**
Majlis Daerah Kuala Langat	Keluasan	430.78	4.83	-	-	-	-	**435.61**
	Bilangan Taman	861	1	0	0	0	0	**862**
Majlis Perbandaran Kuala Selangor	Keluasan	0.55	12.84	13.84	175.41	-	3,374.90	**3,577.54**
	Bilangan Taman	1	4	2	4	0	2	**13**
Majlis Daerah Sabak Bernam	Keluasan	-	8.47	5.22	-	-	-	**13.69**
	Bilangan Taman	0	2	1	0	0	0	**3**
Majlis Perbandaran Selayang	Keluasan	175.15	111.50	-	-	-	-	**286.65**
	Bilangan Taman	214	54	0	0	0	0	268

Sasaran Penyediaan Taman Awam

Sasaran penyediaan taman awam berdasarkan jumlah penduduk di Selangor adalah :
= 4.94 ekar × 6,538,100 penduduk
= 32,298.21 ekar

Sehingga kini, hanya sebanyak 7,726.27 ekar (24%) yang telah tersedia dan Selangor memerlukan sebanyak 24,571.94 ekar (76%) taman awam untuk mencapai sasaran 4.94 ekar kawasan untuk 1000 penduduk.




Gambar Rajah 7: Sasaran penyediaan taman awam Selangor

Sasaran Penyediaan Taman Bandaran di Selangor

Keperluan penyediaan taman bandaran menurut garis panduan perancangan tanah dan rekreasi adalah satu taman bandaran bagi setiap 50,000 penduduk. Sasaran penyediaan taman bandaran berdasarkan jumlah penduduk di Selangor adalah:
= 6,538,100 penduduk ÷ 50,000
= 131 Taman Bandaran

Oleh itu, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 128 taman bandaran di Selangor.



Gambar Rajah 8: Sasaran penyediaan taman Bandaran Selangor


Sasaran Penyediaan Taman Tempatan di Selangor

Taman tempatan sedia ada di Selangor adalah 28. Penyediaan taman tempatan adalah satu bagi setiap 12,000 ke 50,000 penduduk. Keperluan untuk taman tempatan adalah sebanyak:

= 6,538,100 penduduk ÷ 25,000

= 262 Taman Tempatan

Oleh itu, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 235 taman tempatan di Selangor.



Gambar Rajah 9: Sasaran penyediaan taman Tempatan Selangor



DATA TAMAN AWAM ZON TENGAH
PERAK



Kawasan Lapang Sedia Ada

Jumlah keseluruhan taman sedia ada di Perak adalah sebanyak 3,160. Kategori taman adalah seperti berikut:-



Hierarki	Jumlah Keluasan (Ekar)	Jumlah Taman	Status	
			Naik Taraf	Memuaskan
Lot Permainan	1,545.07	2434	434	2000
Padang Permainan	1,608.25	647	116	531
Padang Kejiranan	529.17	64	29	35
Taman Tempatan	444.63	13	5	8
Taman Bandaran	113.57	1	0	1
Taman Wilayah	285.68	1	0	1
Jumlah Keseluruhan	**4,526.37**	**3,160**	**584**	**2,576**

2,510,300 Penduduk
4,526.37 ekar taman awam sedia ada

Penyediaan taman awam semasa sebanyak
1.80 ekar untuk 1000 penduduk



Taman Awam Sedia Ada Di Perak Mengikut PBT


Nama PBT		Kategori Taman						
		Lot Permainan	Padang Permainan	Padang Kejiranan	Taman Tempatan	Taman Bandaran	Taman Wilayah	Jumlah
Majlis Perbandaran Ipoh	Keluasan	791.20	936.68	158.82	-	-	-	**1,886.70**
	Bilangan Taman	984	376	22	0	0	0	**1382**
Majlis Perbandaran Manjung	Keluasan	249.24	166.09	41.93	20.49	-	-	**477.75**
	Bilangan Taman	625	74	5	1	0	0	**705**
Majlis Perbandaran Teluk Intan	Keluasan	8.10	47.59	-	-	-	-	**55.69**
	Bilangan Taman	8	14	0	0	0	0	**22**
Majlis Daerah Lenggong	Keluasan	2.50	16.00	6.00	-	-	-	**24.50**
	Bilangan Taman	3	5	1	0	0	0	**9**
Majlis Daerah Pengkalan Hulu	Keluasan	11.39	11.90	6.14	71.50	-	-	**100.93**
	Bilangan Taman	24	3	1	2	0	0	**30**
Majlis Daerah Tapah	Keluasan	73.18	45.71	-	0	113.57	-	**232.46**
	Bilangan Taman	123	18	0	0	1	0	**142**
Majlis Daerah Tanjong Malim	Keluasan	54.39	42.79	47.95	155.51	-	-	**300.64**
	Bilangan Taman	115	18	6	5	0	0	**144**
Majlis Daerah Gerik	Keluasan	17.06	20.93	-	-	-	-	**37.99**
	Bilangan Taman	41	9	0	0	0	0	**50**
Majlis Daerah Perak Tengah	Keluasan	1.13	-	27.30	20.00	-	-	**48.43**
	Bilangan Taman	2	0	2	1	0	0	**5**
Majlis Perbandaran Taiping	Keluasan	132.30	130.19	32.79	100.61	285.68	-	**681.57**
	Bilangan Taman	148	53	3	2	1	0	**207**
Majlis Daerah Kerian	Keluasan	71.58	54.51	5.30	-	-	-	**131.39**
	Bilangan Taman	144	25	1	0	0	0	**170**

Nama PBT		Kategori Taman						
		Lot Permainan	Padang Permainan	Padang Kejiranan	Taman Tempatan	Taman Bandaran	Taman Wilayah	Jumlah
Majlis Perbandaran Kuala Kangsar	Keluasan	19.03	26.87	84.43	-	-	-	**130.33**
	Bilangan Taman	24	10	10	0	0	0	**44**
Majlis Daerah Kampar	Keluasan	103.22	91.74	105.51	-	-	-	**300.47**
	Bilangan Taman	175	36	11	0	0	0	**222**
Majlis Daerah Batu Gajah	Keluasan	-	-	13.00	-	-	-	**13.00**
	Bilangan Taman	0	0	2	0	0	0	**2**
Majlis Daerah Selama	Keluasan	10.74	17.25	-	76.52	-	-	**104.51**
	Bilangan Taman	18	6	0	2	0	0	**26**

Sasaran Penyediaan Taman Awam

Sasaran Penyediaan Taman Awam berdasarkan jumlah penduduk di Perak adalah :
= 4.94 ekar × 2,510,300 penduduk
= 12,400.88 ekar

Sehingga kini, hanya sebanyak 4,526.37 ekar (37%) yang telah tersedia dan Perak memerlukan sebanyak 7,874.51 ekar (63%) taman awam untuk mencapai sasaran 4.94 ekar kawasan untuk 1000 penduduk.




Gambar Rajah 10: Sasaran penyediaan taman awam Perak

Sasaran Penyediaan Taman Bandaran di Perak

Keperluan penyediaan taman bandaran menurut garis panduan perancangan tanah dan rekreasi adalah satu taman bandaran bagi setiap 50,000 penduduk. Sasaran penyediaan taman bandaran berdasarkan jumlah penduduk di Perak adalah:
= 2,510,300 penduduk ÷ 50,000
= 50 Taman Bandaran

Oleh itu, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 49 taman bandaran di Perak.



Gambar Rajah 11: Sasaran penyediaan taman bandaran Perak


Sasaran Penyediaan Taman Tempatan di Perak

Taman tempatan sedia ada di Perak adalah 13. penyediaan taman tempatan adalah satu bagi setiap 12,000 ke 50,000 penduduk. Keperluan untuk taman tempatan adalah sebanyak:

= 2,510,300 penduduk ÷ 25,000

= 100 Taman Tempatan

Oleh itu, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 87 taman tempatan di Perak.



Gambar Rajah 12: Sasaran penyediaan taman tempatan Perak



DATA TAMAN AWAM ZON TENGAH
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS



Kawasan Lapang Sedia Ada

Jumlah keseluruhan taman sedia ada di Negeri Sembilan adalah sebanyak 284. Kategori taman adalah seperti berikut:-



Hierarki	Jumlah Keluasan (Ekar)	Jumlah Taman	Status	
			Naik Taraf	Memuaskan
Lot Permainan	107.1	227	129	98
Padang Permainan	90.26	37	31	6
Padang Kejiranan	137.79	15	13	2
Taman Tempatan	149.04	5	5	0
Taman Bandaran	0	0	0	0
Taman Wilayah	0	0	0	0
Jumlah Keseluruhan	484.19	284	178	106

1,128,800 Penduduk (sumber: Population Quick Info Jabatan Perangkaan Malaysia),
484.19 ekar taman awam sedia ada

Penyediaan Taman Awam semasa sebanyak
0.43 ekar untuk 1000 penduduk di Negeri Sembilan






Taman Awam Sedia Ada Di Negeri Sembilan Mengikut PBT

Nama PBT		Kategori Taman						
		Lot Permainan	Padang Permainan	Padang Kejiranan	Taman Tempatan	Taman Bandaran	Taman Wilayah	Jumlah
Majlis Perbandaran Seremban	Keluasan	2.65	19.72	77.57	95.00	-	-	**194.94**
	Bilangan Taman	3	7	8	4	0	0	**22**
Majlis Perbandaran Port Dickson	Keluasan	6.44	9.46	18.18	-	-	-	**34.08**
	Bilangan Taman	7	3	2	0	0	0	**12**
Majlis Daerah Jelebu	Keluasan	7.51	12.72	13.50	-	-	-	**33.73**
	Bilangan Taman	15	6	1	0	0	0	**22**
Majlis Daerah Tampin	Keluasan	2.80	14.00	23.00	-	-	-	**39.80**
	Bilangan Taman	3	5	3	0	0	0	**11**
Majlis Daerah Kuala Pilah	Keluasan	45.68	13.02	-	54.04	-	-	**112.74**
	Bilangan Taman	96	6	0	1	0	0	**103**
Majlis Daerah Rembau	Keluasan	-	3.99	-	-	-	-	**3.99**
	Bilangan Taman	0	2	0	0	0	0	**2**
Majlis Daerah Jempol	Keluasan	42.02	17.35	5.54	-	-	-	**64.91**
	Bilangan Taman	103	8	1	0	0	0	**112**

Sasaran Penyediaan Taman Awam

Sasaran Penyediaan Taman Awam berdasarkan jumlah penduduk di Negeri Sembilan adalah :
= 4.94 ekar × 1,128,800 penduduk
= 5,576.27 ekar

Sehingga kini, hanya sebanyak 484.19 ekar (9%) yang telah tersedia dan Negeri Sembilan memerlukan sebanyak 5,092.08 ekar (91%) taman awam untuk mencapai sasaran 4.94 ekar kawasan untuk 1000 penduduk.



Gambar Rajah 10: Sasaran penyediaan taman awam Negeri Sembilan

Sasaran Penyediaan Taman Bandaran di Negeri Sembilan

Keperluan penyediaan Taman Bandaran menurut garis panduan perancangan tanah dan rekreasi adalah satu Taman Bandaran bagi setiap 50,000 penduduk. Sasaran Penyediaan Taman Awam berdasarkan jumlah penduduk di Negeri Sembilan adalah:
= 1,128,800 penduduk ÷ 50,000
= 23 Taman Bandaran

Tiada taman bandaran sedia ada di Negeri Sembilan keperluan untuk sebanyak 23 Taman Bandaran.




Gambar Rajah 11: Sasaran penyediaan taman Bandaran Negeri Sembilan

Sasaran Penyediaan Taman Tempatan di Negeri Sembilan

Taman Tempatan sedia ada di Negeri Sembilan adalah 5. Penyediaan Taman Tempatan adalah satu bagi setiap 12,000 ke 50,000 penduduk. Keperluan untuk taman tempatan adalah sebanyak:

= 1,128,800 penduduk ÷ 25,000
= 45 Taman Tempatan

Oleh itu, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 40 Taman Bandaran di Negeri Sembilan



Gambar Rajah 12: Sasaran penyediaan taman Tempatan Negeri Sembilan



DATA TAMAN AWAM ZON TENGAH
WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR



Kawasan Lapang Sedia Ada

Jumlah keseluruhan taman sedia ada di WP Kuala Lumpur adalah sebanyak 660. Kategori taman adalah seperti berikut:-



Hierarki	Jumlah Keluasan (Ekar)	Jumlah Taman	Status	
			Naik Taraf	Memuaskan
Lot Permainan	244.93	474	141	333
Padang Permainan	306.43	124	36	88
Padang Kejiranan	352.93	41	15	26
Taman Tempatan	609.43	14	3	11
Taman Bandaran	500.60	4	0	4
Taman Wilayah	1,030.75	3	0	3
Jumlah	**3,045.07**	**660**	**195**	**465**

1,773,700 Penduduk (Sumber: Population Quick Info Jabatan Perangkaan Malaysia)
3,045.07 ekar taman awam sedia ada

Penyediaan Taman Awam semasa sebanyak
1.72 ekar untuk 1000 penduduk di WP Kuala Lumpur








Taman Awam Sedia Ada Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Mengikut PBT

Nama PBT		Kategori Taman						
		Lot Permainan	Padang Permainan	Padang Kejiranan	Taman Tempatan	Taman Bandaran	Taman Wilayah	Jumlah
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	Keluasan	244.93	306.43	352.93	609.43	500.60	1,030.75	**3,045.07**
	Bilangan Taman	474	124	41	14	4	3	**660**

Sasaran Penyediaan Taman Awam

Sasaran Penyediaan Taman Awam berdasarkan jumlah penduduk di WP Kuala Lumpur adalah :
= 4.94 ekar × 1,773,700 penduduk
= 8,762.08 ekar

Sehingga kini, hanya sebanyak 3,045.07 ekar (35%) yang telah tersedia dan WP Kuala Lumpur memerlukan sebanyak 5,717.01 ekar (65%) taman awam untuk mencapai sasaran 4.94 ekar kawasan untuk 1000 penduduk.




Gambar Rajah 13: Sasaran penyediaan taman awam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur

Sasaran Penyediaan Taman Bandaran di WP Kuala Lumpur

Keperluan penyediaan Taman Bandaran menurut garis panduan perancangan tanah dan rekreasi adalah satu Taman Bandaran bagi setiap 50,000 penduduk. Sasaran Penyediaan Taman Awam berdasarkan jumlah penduduk di WP Kuala Lumpur adalah:
= 1,773,700 penduduk ÷ 50,000
= 35 Taman Bandaran

Oleh itu, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 31 Taman Bandaran di WP Kuala Lumpur.



Gambar Rajah 14: Sasaran penyediaan taman bandaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur


Sasaran Penyediaan Taman Tempatan di WP Kuala Lumpur

Taman Tempatan sedia ada di WP Kuala Lumpur adalah 14. Penyediaan Taman Tempatan adalah satu bagi setiap 12,000 ke 50,000 penduduk. Keperluan untuk taman tempatan adalah sebanyak:


= 1,773,700 penduduk ÷ 25,000

= 71 Taman Tempatan


Oleh itu, terdapat keperluan untuk penambahan sebanyak 57 taman bandaran di WP Kuala Lumpur.



Gambar Rajah 15: Sasaran penyediaan taman tempatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur



DATA TAMAN AWAM ZON TENGAH
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA



Kawasan Lapang Sedia Ada

Jumlah keseluruhan taman sedia ada di WP Putrajaya adalah sebanyak 11. Kategori taman adalah seperti berikut:-



Hierarki	Jumlah Keluasan (Ekar)	Jumlah Taman	Status	
			NaikTaraf	Memuaskan
Lot Permainan	0	0	0	0
Padang Pemainan	0	0	0	0
Padang Kejiranan	0	0	0	0
Taman Tempatan	155.05	4	0	4
Taman Bandaran	747.04	5	0	5
Taman Wilayah	730.15	2	0	2
Jmlah Keseluruhan	1,632.24	11	0	11

110,000 Penduduk (sumber: Population Quick Info Jabatan Perangkaan Malaysia),
1,632.24 ekar taman awam sedia ada

Penyediaan Taman Awam semasa sebanyak
20.45 ekar untuk 1000 penduduk di WP Putrajayat





Taman Awam Sedia Ada Di Wilayah Persekutuan Putrajaya Mengikut PBT

Nama PBT		Kategori Taman						
		Lot Permainan	Padang Permainan	Padang Kejiranan	Taman Tempatan	Taman Bandaran	Taman Wilayah	Jumlah
Perbadanan Putrajaya	Keluasan	-	-	-	155.05	747.04	730.15	**1,632.24**
	Bilangan Taman	0	0	0	4	5	2	**11**

Sasaran Penyediaan Taman Awam

Sasaran Penyediaan Taman Awam berdasarkan jumlah penduduk di WP Putrajaya adalah :
= 4.94 ekar × 110,000 penduduk
= 543.40 ekar

WP Putrajya telah mencapai sasaran taman awam secara 100% bagi keperluan 4.94 ekar penyediaan taman awam untuk 1000 penduduk.



Gambar Rajah 16: Sasaran penyediaan taman awam WP Putrajaya

Sasaran Penyediaan Taman Bandaran di WP Putrajaya

Keperluan penyediaan Taman Bandaran menurut garis panduan perancangan tanah dan rekreasi adalah satu Taman Bandaran bagi setiap 50,000 penduduk. Sasaran Penyediaan Taman Awam berdasarkan jumlah penduduk di WP Putrajaya adalah:
= 110,000 penduduk ÷ 50,000
= 2 Taman Bandaran

Bilangan taman banfaran sedia ada di WP Putrajaya adalah 6. Oleh itu WP Putrajaya telah mencapai sasaran penyediaan taman bandaran.



Gambar Rajah 17: Sasaran penyediaan taman Bandaran WP Putrajaya

Sasaran Penyediaan Taman Tempatan di WP Putrajaya

Phenyediaan Taman Tempatan adalah satu bagi setiap 12,000 ke 50,000 penduduk. Keperluan untuk taman tempatan adalah sebanyak:

= 110,000 penduduk ÷ 25,000

= 4 Taman Tempatan


Bilangan taman tempatan sedia ada di WP Putrajaya adalah 5. Oleh itu WP Putrajaya telah mencapai sasaran penyediaan taman tampatan



